

Gaji Minimum: Kerajaan Hanya Umum Keputusan Dan Saranan NWCC - Dr S. Subramaniam
Bernama
12 April , 2012

PUTRAJAYA, 12 April (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S. Subramaniam pada Khamis menegaskan semua keputusan bersabit gaji minimum sektor swasta dibuat oleh Majlis Konsultasi Gaji Kebangsaan (NWCC) dan tugas kerajaan hanya mengumumkannya.

Justeru kata beliau, adalah tidak adil bagi pihak tertentu menuding jari kepada kerajaan kerana tidak berpuas hati dengan beberapa perkara berhubung perkara tersebut yang akan diumumkan kerajaan bulan depan.

"Apa juga yang kita akan umumkan telah diputuskan dan disarankan oleh majlis itu kepada kerajaan," katanya pada sidang media, di sini.

Beliau bagaimanapun berkata kerajaan akan melaksanakan semua saranan NWCC secara berperingkat.

Dr Subramaniam mengulas tindakan Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang berterusan mempertikaikan perkara tersebut walaupun pada asasnya kedua-dua pihak telah bersetuju mengenai kadar gaji minimum yang diputuskan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658549>